



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 DECEMBER 2016

# Dua visi PM pastikan Bumi Kenyalang nikmati pembangunan

UM  
- 19/12/2016

**BATANG SADONG 18 Dis.** - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau mempunyai dua visi untuk Bumi Kenyalang dalam tempoh beberapa tahun akan datang bagi memastikan rakyat negeri ini tidak ketinggalan dalam arus pembangunan.

Perdana Menteri berkata, visi tersebut adalah untuk melengkapkan dua lebuh raya utama di negeri ini iaitu Lebuh Raya Pan Borneo dan jajaran jalan pesisir pantai.

“Saya ada visi untuk Bumi Kenyalang dalam masa beberapa tahun akan datang iaitu melengkapkan dua lebuh raya utama di Sarawak. Selama ini, kita selalu sebut Lebuh Raya Pan Borneo dan pembinaan projek ini berjalan begitu lancar, malah hari ini saya akan ke Miri untuk melancarkan pakej kelapan pembinaannya iaitu satu lagi janji saya tepati.

“Kalau Lebuh Raya Pan Borneo melengkapkan (sistem perhubungan) pedalaman, maka jajaran jalan pesisir pantai dapat memastikan masyarakat yang tinggal di situ mendapat manfaat dalam jangka waktu tertentu (di-siapkan) bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan,” ujarnya dalam ucapan ketika merasmikan Jambatan Batang Sadong di Kampung Sungai Buloh di sini, hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Abang Johari Tun Openg; Menteri Kerja

## Jambatan Batang Sadong

- 1 Pembinaan diumumkan oleh Perdana Menteri semasa program tinjauan mesra pada 2011 dan **dibuka sejak 16 Oktober** lalu.
- 2 Dibina dengan kos **RM231 juta sepanjang 1.48 kilometer** - mencatat rekod sebagai jambatan terpanjang menyeberangi sungai di Malaysia.
- 3 Jambatan Batang Sadong memendekkan masa perjalanan **dari Asajaya ke daerah Simunjan** di Sebuyau.
- 4 Penduduk hanya memerlukan sehingga **dua minit untuk menyeberangi sungai** berbanding 30 minit sehingga dua jam pada waktu puncak menggunakan feri.
- 5 Pembinaan jambatan meningkatkan pertumbuhan pelbagai industri termasuk **akuakultur dan pertanian**.

Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Batang Sadong, Datuk Seri Nancy Shukri.

Najib berkata, beliau juga komited untuk membina jambatan baharu lain di negeri ini termasuk Jambatan Batang Lupar sepanjang lima kilometer yang apabila siap bakal menjadi jambatan terpanjang di Sarawak menggantikan Jambatan Batang Sadong.

Menurutnya, kos asal pembinaan Jambatan Batang Lupar dianggarkan RM400 juta tetapi kini meningkat kepada RM1 bilion selepas dikaji semula.

“Walaupun kos sudah meningkat, namun saya tetap meluluskan projek ini kerana janji tetap janji dan pembinaannya akan dilaksanakan berdasarkan perkongsian masing-masing 50 peratus antara kerajaan Pusat dan negeri,” katanya yang difahamkan pra-pelaksanaan projek itu bermula awal 2018.

Beliau berkata, projek jambatan baharu yang sedang dalam pembinaan atau sudah diluluskan adalah Jambatan Batang Samarahan (RM112 juta) dijangka siap awal 2018, Jambatan Batang Igan (RM300 juta) dan Jambatan Batang Rambungan (RM130 juta).

Katanya, kerajaan juga sedar bahawa jambatan terbabit masih belum melengkapkan jajaran jalan pesisir pantai dan beberapa jambatan lain perlu dibina iaitu Jambatan Batang Saribas, Jambatan Muara Lassa dan Jambatan Batang Paloh.